

Pengenalan

Objektif dan Persoalan Kajian

Kajian ini berfokus pada “Masyarakat Cina di selatan Vietnam pada abad ke-17 hingga abad ke-18”. Kajian ini mengkaji peranan komuniti Cina di selatan Vietnam pada abad ke-17 sehingga abad ke-18.

Imigrasi Cina ke Vietnam dapat dikesan sejak Dinasti Han apabila Maharaja Han Wu Ti (140SM –87SM) menghantar Jeneral Lu Po-te untuk menakluki Nan-Yueh (Vietnam atau Nam-Viet) pada tahun 111SM.¹ Akibatnya, Nam-Viet menjadi sebahagian daripada empayar China sehingga tahun 938M.² Sejak daripada waktu itu, orang Cina mula berhijrah ke Vietnam setiap kali ada perubahan politik di China.³

Oleh yang demikian, kajian ini membincang faktor-faktor yang mendorong peningkatan imigrasi orang Cina ke selatan Vietnam dari abad ke-17 sehingga abad ke-18. Selain itu, kajian ini juga mengkaji asal-usul orang Cina di selatan Vietnam serta tujuan mereka di sana.

Kajian ini juga mengkaji bagaimana para pemerintah Nguyen menggunakan imigran Cina ini untuk mencapai matlamat mereka dalam usaha meluaskan kuasa politik mereka di tanah baru orang Champa dan orang Khmer. Daripada beberapa siri penghijrahan

¹ Luong Nhi Ky, *The Chinese in Vietnam : A Study of Vietnamese-Chinese Relation With Special Attention to Period 1862-1961*, University Microfilms, Inc., 1963, hlm.2.

² D.R. SarDesai, *Vietnam : The Struggle for National Identity*, edisi kedua, Boulder : Westview Press, Inc., 1992, hlm.2.

³ Chau Hai, “Vai Net Ve Su Di Dan Cua Nguoi Hoa Xuong Dong Nam A Va Cac To Chuc Cong Dong Xa Hoi Cua Ho” (Imigrasi orang Cina ke Asia Tenggara dan Persatuan Sosial Mereka) dalam *Su Hoc (Pengajian Sejarah)*, So II, 1976-1990, Ha Noi : Nha Xuat Ban Dai Hoc Va Trung Hoc Chuyen Nghiep, 1981, hlm.117.

orang Cina ke selatan Vietnam, penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam selepas kejatuhan dinasti Ming telah memberi kesan yang mendalam dalam sejarah dan perkembangan demografi di selatan Vietnam. Ini adalah kerana penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam pada abad ke-17 berlaku serentak dengan perluasan kuasa politik oleh pemerintah Nguyen ke selatan Vietnam. Para pemerintah Nguyen telah menggunakan imigran Cina ini untuk membantu mereka dalam perluasan kuasa dan tanah jajahan di selatan Vietnam.

Hubungan antara pemerintah Nguyen dengan imigran Cina di selatan Vietnam dengan berfokus pada polisi kerajaan China dan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam terhadap isu imigrasi orang Cina ke selatan Vietnam juga merupakan elemen yang penting dalam kajian ini. Ini disebabkan polisi-polisi tersebut turut mempengaruhi corak imigrasi orang Cina ke selatan Vietnam. Isu ini telah dibincang oleh Luong Nhi Ky dalam buku beliau. Misalnya “*The Royal Code of Vietnam*”, kerajaan Vietnam hanya membenarkan dua jenis orang asing masuk ke Vietnam iaitu orang asing yang bekerja di kedutaan atau mangsa nahas kapal.⁴ Sementara polisi kerajaan Manchu pada tahun 1712 pula, melarang penghijrahan orang Cina ke Vietnam kerana berpendapat bahawa rakyat adalah kapital atau aset negara. Kerajaan Manchu juga bimbang Vietnam akan digunakan oleh mereka yang menentang dinasti Manchu untuk melancarkan pemberontakan⁵

Di samping itu, kajian ini juga mengkaji faktor-faktor yang mendorong majoriti orang Cina memilih membuat kawasan petempatan di selatan Vietnam dan bukannya di utara Vietnam. Didapati bahawa kebanyakan kawasan petempatan orang Cina di selatan

⁴ Luong Nhi Ky, *The Chinese in Vietnam : A Study of Vietnamese-Chinese Relations With Special Attention to Period 1862-1961*, hlm.24.

⁵ *Ibid.*, hlm.28.

Vietnam bertumpu di Hue, Hoi An, Saigon, Cholon dan Delta Mekong.⁶ Sehubungan itu, reaksi kerajaan China dan kerajaan selatan Vietnam terhadap kedatangan orang Cina ke selatan Vietnam juga akan dikaji.

Kajian ini mengkaji hubungan antara orang Cina dengan masyarakat tempatan dan bagaimana hubungan tersebut membantu mewujudkan komuniti kacukan iaitu komuniti Minh Huong (orang Cina yang tiba di selatan Vietnam pada zaman dinasti Ming) dan komuniti Thanh Ha (orang Cina yang tiba di selatan Vietnam pada zaman dinasti Qing) di selatan Vietnam.

Peranan orang Cina dan sumbangan mereka dalam bidang ekonomi, politik dan sosial di selatan Vietnam juga dikaji. Kajian ini juga mengkaji bagaimana orang Cina berusaha memelihara dan mengekalkan kebudayaan mereka di selatan Vietnam.

Majoriti orang Cina di selatan Vietnam terdiri daripada peniaga, sami Buddha, artisan, tentera dan pakar perubatan.⁷ Kebanyakan daripada mereka ini telah sampai di selatan Vietnam pada tahap awal pemerintahan Nguyen. Sehubungan itu, wujudnya komuniti Minh Huong dan komuniti Thanh Ha.

Selain itu, hubungan kerajaan China dan kerajaan selatan Vietnam terhadap isu komuniti Cina di selatan Vietnam juga dikaji.

⁶ *Ibid.*, hlm.39 dan *Su Hoc*, So III, 1991-1993, hlm.167.

⁷ Danny Wong Tze Ken, "The Nguyen Lords of Southern Vietnam : Their Foreign Relations, 1558-1776", Tesis PhD, Universiti Malaya : Jabatan Sejarah, 2004, hlm.181.

Skop dan Kepentingan Kajian

Kajian ini mengkaji peranan komuniti Cina di selatan Vietnam pada abad ke-17 sehingga abad ke-18. Abad ke-17 dipilih sebagai bermulanya tempoh kajian ini kerana pada tempoh ini bermulanya kegiatan imigrasi orang Cina ke selatan Vietnam yang semakin ketara akibat daripada ketidakstabilan politik di China.

Kajian ini juga mengkaji perkembangan komuniti Cina di selatan Vietnam serta sumbangan dan pengaruh mereka dari segi ekonomi, politik dan sosial di selatan Vietnam. Di samping itu, reaksi kerajaan China dan kerajaan selatan Vietnam terhadap kedatangan orang Cina ke selatan Vietnam juga dikaji.

Komuniti Cina di selatan Vietnam memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ekonomi di sini. Perkembangan ekonomi yang pesat di selatan Vietnam telah dibincang oleh Li Tana. Perdagangan antara China dan Cochinchina (selatan Vietnam) telah wujud apabila maharaja Ming Mu-zung menghapuskan larangan perdagangan luar negara dengan Asia Tenggara pada tahun 1567.⁸ Selain itu, hubungan China dan selatan Vietnam terhadap isu komuniti Cina di selatan Vietnam juga dikaji.

Jangka masa kajian ini berakhir pada zaman Tayson (1771-1801). Kajian ini juga mengkaji polisi pemerintah Tay Son terhadap orang Cina di selatan Vietnam serta reaksi orang Cina. Setakat ini belum ada kajian dalam bidang ini.

⁸ Li Tana, *Nguyen Cochinchina, Southern Vietnam in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*, Ithaca : Cornell University, 1998, hlm.68.

Berdasarkan kajian-kajian yang sedia ada, hampir kesemuanya membincangkan komuniti Cina di Vietnam secara umum. Oleh yang demikian, penulisan ini memberi fokus kepada komuniti Cina di selatan Vietnam pada abad ke-17 hingga abad ke-18.

Kajian ini penting dalam tiga aspek. Yang pertama, setakat ini belum ada kajian khusus tentang sejarah orang Cina di selatan Vietnam. Oleh yang demikian, kajian ini memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang sejarah Vietnam. Yang kedua, kajian ini mengkaji peranan orang Cina terutamanya dalam usaha membantu para pemerintah Nguyen mencapai matlamat mereka dalam perluasan kuasa di selatan Vietnam. Maka, hubungan antara orang Cina dan orang Vietnam dan puak minoriti di Vietnam juga diteliti.

Yang ketiga, dengan mengkaji kedudukan dan reaksi orang Cina dalam hubungan mereka dengan masyarakat tempatan, kajian ini membekalkan dimensi baru kepada penulisan sejarah orang Cina di selatan Vietnam secara khasnya dan kepada sejarah Asia Tenggara secara amnya.

Kajian Literatur

Penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam dapat dikesan sejak dinasti Han apabila Maharaja Han Wu Ti (140BC - 87BC) menghantar Jeneral Lu Po-te untuk menakluki Nan Yueh (Vietnam atau Nam-Viet) pada tahun 111BC.⁹ Akibatnya, Nam-Viet menjadi sebahagian daripada empayar China sehingga tahun 938M.¹⁰ Sejak daripada

⁹ Luong Nhi Ky, *The Chinese in Vietnam : A Study of Vietnamese-Chinese Relations with Special Attention to Period 1862-1961*, University Microfilms, Inc., 1963, hlm. 2.

¹⁰ D.R. SarDesai, *Vietnam : The Struggle for National Identity*, second edisi, Boulder : Westview Press, Inc., 1992, hlm.2.

waktu itu, orang Cina mula berhijrah ke Vietnam setiap kali ada pergolakan politik di China.¹¹ Penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam secara besar-besaran berlaku selepas kejatuhan dinasti Ming pada tahun 1644.

Faktor-faktor penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam telah dibincang oleh Tran Khanh dalam karya *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*. Pergolakan politik di China dari semasa ke semasa telah mendorong ramai orang Cina mencari perlindungan di Vietnam.¹²

Kajian terhadap sejarah komuniti Cina di Vietnam adalah terhad. Biasanya isu komuniti Cina hanya dibincang sebagai sebahagian daripada perbincangan sejarah Vietnam, terutamanya tentang sejarah tempatan di Vietnam. Misalnya kajian tentang pelabuhan bandar Hoian yang ditulis oleh Phan Huy Le membincang tentang sejarah Hoian dari dulu hingga kini serta komuniti Cina di Hoian, Vietnam.¹³ Kajian lain yang berkaitan dengan Hoian yang berfokus pada komuniti Cina di Hoian ialah kajian yang dibuat oleh Chen Chingho yang bertajuk *Historical Notes on Hoi An* (1974).¹⁴ Beliau membincang pembahagian kategori orang Cina di Hoian serta pembentukan komuniti Minh Huong dan tokong-tokong Cina di Hoian.

¹¹ Chau Hai, "Vai Net Ve Su Di Dan Cua Nguoi Hoa Dong Nam A Va Cac To Chuc Cong Dong Xa Hoi Cua Ho" (Imigrasi orang Cina ke Asia Tenggara dan Persatuan Sosial Mereka) dalam *Su Hoc*, So II, 1976-1990, Ha Noi : Nha Xuat Ban Dai Hoc Va Trung Hoc Chuyen Nghiep, 1981, p.p.117.

¹² Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.14.

¹³ Phan Huy Le, "Hoi An (Faifo) –Past and Present" dalam Ancient Town of Hoi An, International Symposium Held in Danang on 22 -23 Mac 1990, Hanoi : Foreign Language Publishing House, 1991.

¹⁴ Chen Chingho(ed.), *Historical Notes on Hoi-An (Faifo)*, Carbondale : Southern Illinois University Center for Vietnamese Studies, 1974.

Manakala Charles J. Wheeler membincang perdagangan dan komuniti Cina di Hoian. Beliau juga membincang tokong-tokong yang didirikan oleh komuniti Cina di Hoian. Selain itu, peranan wanita di Hoian dalam perdagangan Cina juga dibincang. Wanita di Hoian bertindak sebagai orang tengah dalam pertukaran barang dagangan antara pedagang Cina dengan penduduk di kawasan pedalaman muara sungai.¹⁵

Menurut Nguyen Cam Thuy, pada awal abad ke-16, selepas beberapa sekatan dikenakan pada penganut agama Katolik di China, ramai orang Cina telah melarikan diri ke selatan Vietnam melalui jalan laut untuk mengelakkan diri daripada ditindas oleh kerajaan China.¹⁶ Kedatangan orang Cina di selatan Vietnam telah diterima oleh Gabenor Nguyen Hoang yang memerintah selatan Vietnam pada tahun 1558.

Orang Cina menganggap Vietnam sebagai tempat perlindungan bagi mereka. Maka kumpulan pelarian Cina yang pertama datang ke Vietnam untuk mencari perlindungan politik adalah selepas kejatuhan dinasti Han pada tahun 220. Pada tahun 877 apabila Guangzhou (ibu kota Guandong) diserang oleh lanun, ramai orang Cina telah melarikan diri ke Vietnam. Pergolakan politik di China telah menyebabkan berlakunya penghijrahan orang Cina ke Vietnam berterusan semasa dinasti Sung (960-1279), iaitu selepas China ditakluki oleh tentera Mongol pada abad ke-13. Pada abad ke-17, ramai pelarian Cina telah melarikan diri ke selatan Vietnam selepas kejatuhan dinasti Ming pada tahun 1644 kerana digulingkan oleh kerajaan Manchu yang mendirikan dinasti Qing (1644-1911).

¹⁵ Charles J. Wheeler, "Cross-Cultural and Trans-Regional Network in the Port of Hoi An : Maritime Vietnam in the Early Modern Era", PhD, Yale University : Faculty of the Graduate School, 2001, hlm. 131-158.

¹⁶ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Ngoai Hoa Tren Dat Nam Bo, (Tu The Ky XVII Den Nam 1945)*, (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi : Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.7.

Berdasarkan kajian Chau Hai, pada abad ke-17 dan awal abad ke-18, pedagang dan petukang Cina mendirikan komuniti *Minh Huong* di Phien Tran (Gia Dinh) dan komuniti *Thanh Ha* di Tran Bien (Bien Hoa). Menurut rekod banci kerajaan Nguyen, orang *Minh Huong* merujuk orang Cina yang berhijrah dan tinggal di Vietnam pada penghujung dinasti Ming dan awal dinasti Qing (1645-1653). Kewujudan komuniti *Minh Huong* di Vietnam berkait rapat dengan peristiwa penentangan orang *Minh Huong* terhadap kerajaan Qing di China.¹⁷ Sementara komuniti *Thanh Ha* merujuk kepada orang Cina yang mencari perlindungan politik di selatan Vietnam semasa dinasti Qing di China.

Menurut Gustave Huê, *Minh Huong* merujuk golongan Cina yang taat setia kepada kerajaan dinasti Ming dan mereka berhijrah ke Vietnam apabila kerajaan dinasti Qing memerintah China pada tahun 1644.¹⁸ Sementara menurut A. Schreiner, *Minh Huong* merujuk hasil perkahwinan antara wanita Vietnam dengan lelaki Cina dinasti Ming yang melarikan masuk ke Giao Chi (kini utara Vietnam dan wilayah utara di Vietnam Tengah) pada penghujung abad ke-17.¹⁹

Manakala, menurut Nguyen Cam Thuy, perkataan *Minh Huong* (明 香) yang terdiri daripada dua perkataan mempunyai maksud sendiri. *Minh* bermaksud dinasti Ming. Sementara *Huong* bermaksud harum. Maka maksud keseluruhannya ialah bau harum

¹⁷ Chau Hai, *Cac Nhom Cong Dong Nguoi Hoa O Viet Nam* (Kumpulan Komuniti Cina di Vietnam), Viet Nam : Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 1992, hlm.56.

¹⁸ Gustave Huê, *Dictionnaire Annamite-Chinois*, Francais, hlm. 57.

¹⁹ A. Schreiner, *Les institutions annamites en Base Cochinchine avant conquête Française*, t. II, hlm.66.

daripada dinasti Ming. Sementara maksud tersirat *Minh Huong* (明 乡) ialah kampung halaman orang Cina dinasti Ming.²⁰

Maka, dapat dirumuskan bahawa orang *Minh Huong* merujuk orang Cina yang masih taat setia kepada dinasti Ming. Selepas kerajaan dinasti Ming digulingkan oleh kerajaan dinasti Qing, mereka melarikan diri ke Vietnam untuk mencari perlindungan politik. Golongan Cina ini berkhidmat kepada maharaja Vietnam dan menerima Vietnam sebagai kampung halaman kedua. Dengan perkataan lain, mereka merupakan pelarian politik.

Menurut Tran Kinh Hoa (Chen Chingho), kampung *Minh Huong* wujud lebih kurang dari tahun 1645 hingga tahun 1653. Kampung *Minh Huong* Hoian merupakan kampung *Minh Huong* yang pertama di Vietnam. Malah menurut beliau, kesemua 36 wilayah di Vietnam sudah mempunyai kampung *Minh Huong*.²¹

Brian Zottoli dalam artikel beliau yang bertajuk *The Minh Huong in Nguyen Vietnam : the Longmen Guard* membincang tentang peranan orang *Minh Huong* di selatan Vietnam. Menurut beliau, orang *Minh Huong* juga dikenali sebagai pengikut setia dinasti Ming. Mereka memainkan peranan penting dan bergiat aktif dalam pembentukan kerajaan selatan Vietnam semasa pemerintah Nguyen.²² Ini bermaksud orang *Minh Huong* telah banyak membantu para pemerintah Nguyen untuk mencapai matlamat mereka dalam usaha

²⁰ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.8.

²¹ Ibid., hlm.14.

²² Brian Zottoli, *The Ming Huong in Nguyen Vietnam : the Longmen Guard*, Vietnam : Council on International Education Exchange.

perluasan kuasa di selatan Vietnam yang berkaitan dengan konsep *nam tien*. *Nam tien* merupakan suatu pemikiran perluasan kuasa politik sempadan negara ke arah selatan. Dalam kajian Phan Khoang, beliau juga telah membincang tentang gerakan *nam tien* yang dilakukan oleh pemerintah Nguyen di selatan Vietnam.²³

Manakala berdasarkan kajian yang dibuat oleh Nguyen The Anh dan Alain Forest, pada tahun 1599, perebutan kuasa di Hanoi iaitu di antara Trinh Tong dan Nguyen Hoang telah memaksa Nguyen Hoang berundur dari Thang Long (Hanoi). Justeru itu, beliau dan penggantinya telah mendirikan wilayah tersendiri di selatan Vietnam dan memisahkannya daripada kerajaan utara Vietnam. Sebahagian daripada kekuatan pemerintah Nguyen adalah disebabkan oleh perkembangan perdagangan di Hoian (Faifo). Kemajuan perdagangan di Hoian telah membolehkan pemerintah Nguyen mengutip cukai yang lumayan daripada para pedagang. Sumber pendapatan yang kukuh inilah yang telah membantu kerajaan Nguyen mengekalkan kemerdekaan kerajaan selatan Vietnam daripada ancaman utara Vietnam selama kira-kira 150 tahun dan pada tempoh yang sama, para pemerintah Nguyen telah meluaskan kuasa politik mereka ke selatan Vietnam iaitu di selatan Kemboja.²⁴

Menurut kajian yang dibuat oleh Wang Gungwu, selepas kejatuhan kerajaan Mongol atau dinasti Yuan pada tahun 1368, polisi kerajaan China terhadap perdagangan Nanyang (Asia Tenggara) mula berubah semasa dinasti Ming (1368-1644). Pengasas dinasti Ming iaitu Chu Yuan-chang yang menjadi Maharaja Hung-wu mendapati bahawa perdagangan yang ditaja oleh kerajaan Mongol di Nanyang merupakan satu ancaman

²³ Phan Khoang, *Viet Su :Xu Dang Trong 1558-1777 – Cuoc Nam Tien Cua Dan Toc Viet Nam* (Sejarah Cochinchina, 1558-1777 – Gerakan ke Selatan), Saigon : Nha Sach Khai Tri, 1970.

²⁴ Nguyen The Anh and Alain Forest (eds), *Guerre Et Paix En Asie Du Sud-Est*, Paris : L'Harmattan 1998, hlm.251-252.

kepada empayar baru. Sehubungan itu, kerajaan dinasti Ming telah melaksanakan beberapa sekatan terhadap hubungan perdagangan dengan Nanyang. Maharaja Chu Yuan-chang telah memperkenalkan sekatan yang dikenali sebagai “*Hai Jin*” iaitu melarang rakyat di pantai China belayar di laut untuk menghalang mereka bekerjasama dengan para penentang dinasti Ming yang berada di kepulauan yang berdekatan China.²⁵

Perdagangan persendirian adalah dilarang. Sebaliknya kerajaan dinasti Ming memperkenalkan sistem perdagangan melalui penghantaran ufti oleh negara-negara Nanyang kepada China iaitu perdagangan melalui perutusan diplomatik.²⁶

Sementara berdasarkan kajian yang dibuat oleh Raph Smith, polisi dinasti Qing terhadap perdagangan persendirian di seberang laut yang dikendalikan oleh pedagang Cina bertambah longgar. Sekatan terhadap perdagangan Cina dari pelabuhan Quang Dong dan Fujian iaitu pengawalan *hai-jin* telah ditamatkan pada tahun 1684. Kapal dagang Cina dibenarkan untuk menjalankan perdagangan dengan kawasan di Asia Tenggara seperti di Manila, Hoian, Ayutthaya, Batavia dan Melaka. Langkah ini telah mengukuhkan jalinan perdagangan Cina di Asia Tenggara.²⁷

Selepas kejatuhan dinasti Ming di China pada tahun 1644, China dikuasai oleh kerajaan Manchu. Penentangan peringkat akhir daripada bekas pegawai dinasti Ming terhadap kerajaan Manchu berlaku di sepanjang pantai wilayah Fukien, Chekiang dan

²⁵ 中国科学技术馆, *帆鼓西洋* (Ekspedisi ke Nanyang), 北京: 科学普及出版社, 2005, hlm.17.

²⁶ Wang Gungwu, *A Short History of the Nanyang Chinese*, Singapore : Eastern Universities Press, Ltd., 1959, hlm.5.

²⁷ Raph Smith, “Cambodia and Vietnam in a Regional Perspective (16th – 19th Centuries)” in Nguyen The Anh dan Alain Forest (eds.), *Guerre et Paix en Asie du Sud-Est*, Paris : L’Harmattan, 1998, hlm. 253.

Quang Dong yang terletak di selatan China. Para pemimpin penentangan tersebut telah mengguna semua kapal di pelabuhan-pelabuhan besar untuk pengangkutan di sepanjang pantai. Mereka juga mengupah para pedagang dan lanun dari Nanyang untuk menentang kerajaan Manchu. Pada waktu yang sama, kerajaan Manchu juga mengambil tindakan yang sama dengan mengupah para pedagang dan lanun Nanyang untuk menentang serangan daripada pengikut-pengikut setia dinasti Ming. Oleh yang demikian, perdagangan Nanyang telah menjadi satu sumber penting dari segi tenaga manusia dan cukai. Buat kali pertama kedua-dua pihak cuba menguasai orang Cina di Nanyang. Ini menunjukkan bahawa orang Cina di Nanyang memainkan peranan penting dalam politik empayar China.²⁸

Walau bagaimanapun, penentangan daripada pengikut setia dinasti Ming menghadapi kegagalan pada tahun 1679, diikuti dengan kekalahan Cheng Ch'eng-kung dari Taiwan pada tahun 1683.²⁹

Bilangan imigran Cina ke selatan Vietnam telah bertambah selepas pengikut setia dinasti Ming gagal memulihkan dinasti Ming. Pertambahan bilangan imigran Cina di selatan Vietnam pada waktu itu telah menimbulkan beberapa persoalan dalam kajian sejarah Vietnam. Ini termasuk reaksi kerajaan selatan Vietnam terhadap kedatangan imigran Cina, hubungan antara komuniti Cina dengan komuniti tempatan iaitu orang Vietnam dan puak minoriti Vietnam, sumbangan komuniti Cina kepada perluasan kuasa

²⁸ Maurice Freedman, *The Chinese in Southeast Asia : A Longer View*, London : The China Society, 1965, hlm.6 dan Wang Gungwu, *A Short History of the Nanyang Chinese*, Singapore : Eastern Universities Press, Ltd., 1959, hlm.14.

²⁹ Raph Smith, "Cambodia and Vietnam in a Regional Perspective (16th – 19th Centuries)" in Nguyen The Anh dan Alain Forest (eds.), *Guerre et Paix en Asie du Sud-Est*, Paris : L'Harmattan, 1998, hlm. 253. Wang Gungwu, *A Short History of the Nanyang Chinese*, Singapore : Eastern Universities Press, Ltd., 1959, hlm.14.

politik kerajaan Nguyen di selatan Vietnam dan usaha komuniti Cina untuk memelihara kebudayaan asal mereka di selatan Vietnam serta cabaran yang dihadapi oleh mereka.

Berkaitan dengan petempatan orang Cina di selatan Vietnam, Charles B. Maybon telah membincang tentang dasar buka pintu pemerintah Nguyen di selatan Vietnam telah menarik perhatian imigran Cina untuk tinggal di sini.³⁰ Kebijaksanaan pemerintah Nguyen akhirnya membawa kepada kemajuan selatan Vietnam.

Pada abad ke-17 dan awal abad ke-18, pedagang dan petukang China yang berhijrah ke selatan Vietnam telah mendirikan komuniti *Minh Huong* di Phien Tran (Gia Dinh) dan komuniti *Thanh Ha* di Tran Bien (Bien Hoa)³¹. Dasar buka pintu pemerintah Nguyen telah membuka laluan kepada imigran Cina yang lain untuk menetap di selatan Vietnam.

Sebahagian besar orang Cina yang berhijrah ke selatan Vietnam adalah terdiri daripada golongan buruh yang miskin yang berasal dari kawasan selatan China yang berdekatan dengan sempadan Vietnam. Kawasan-kawasan ini ialah Quang Dong, Phuc Kien, Trieu Chau, Hai Nam dan He.

Cholon terletak di selatan Vietnam, bersempadan dengan Gia Dinh di barat utara, dermaga di selatan dan Sungai Mekong di sebelah timur. Cholon merupakan pelabuhan antarabangsa. Kapal-kapal dari Hong Kong, China, Siam, Eropah, Australia dan Filipina berlabuh di pelabuhan Cholon. Cholon juga merupakan tempat persingahan pedagang-

³⁰ Charles B. Maybon, *Lectures sur l'histoire : Moderne et Contemporaine du Pays d'Annam de 1428 a 1926*, Hanoi : Imprimerie d'Estreme-Orient Editeur, 1927.

³¹ Chau Hai, *Cac Nhom Cong Dong Nguoi Hoa O Viet Nam* (Kumpulan Komuniti Cina di Vietnam), Viet Nam : Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 1992, hlm.56.

pedagang domestik di selatan Vietnam. Ia merupakan pusat perdagangan yang penting di selatan Vietnam. Cholon merupakan tempat tinggal orang Cina dan ia dikenali sebagai “Bandar Orang Cina”. Cholon merupakan pusat perdagangan dan budaya orang Cina di selatan Vietnam.³²

Pada tahun 1698, kerajaan Annam menyerang Chenla dan menukar nama kepada Cochinchina. Kerajaan Annam mendirikan ibu kota di Gia Dinh (Saigon sekarang). Tidak lama kemudian, orang Cina di Cholon mendirikan komuniti *Minh Huong* dan mendirikan Persatuan-persatuan *Minh Huong* untuk menyatupadukan orang Cina. Persatuan-persatuan ini juga merupakan kuil-kuil orang Cina di selatan Vietnam.³³

Pada tahun 1778, orang Cina yang berada di Bien Hoa berhijrah ke kawasan yang berdekatan dengan Sungai Saigon dan Laut China Selatan. Penghijrahan ini telah menjadikan Saigon semakin makmur.³⁴

Pada tahun 1782, tentera Tay Son menakluki selatan Vietnam. Tentera Tay Son telah membunuh beberapa ribu orang Cina di selatan Vietnam kerana marah dengan orang Cina yang berada di selatan Vietnam memberi bantuan kepada pemerintah Nguyen Phuc Anh di selatan Vietnam. Akibatnya, ramai orang Cina melarikan diri dari Saigon. Peristiwa ini telah memberi tamparan yang teruk kepada Saigon. Kesannya, ekonomi Saigon mula merosot dan berlaku inflasi.³⁵

³² 西堤华侨指南社 (Panduan Orang Cina Seberang Laut di Cholon), 南洋书报供应 1948, hlm.1.

³³ Ibid.,hlm.4.

³⁴ Ibid.,hlm.5.

³⁵ Ibid.

Tidak lama kemudian, pemerintah Nguyen Phuc Anh berjaya mengalahkan tentera Tay Son dan seterusnya menyatukan seluruh Vietnam pada tahun 1802. Beliau menjadikan Hue sebagai ibu kota. Nguyen Phuc Anh menggelar diri sebagai Maharaja Gia Long. Maharaja Gia Long melayan orang Cina dengan baik sebagai tanda penghargaan kepada mereka kerana banyak memberi bantuan kepada beliau dalam usaha menyatukan Vietnam. Semasa pemerintahan Maharaja Gia Long, ramai orang Cina berpindah dari Saigon ke Cholon atas sebab Saigon tidak lagi sesuai dijadikan sebagai tempat tinggal yang selamat selepas berlakunya peristiwa pembunuhan orang Cina oleh tentera Tay Son pada tahun 1782. Maka dalam tempoh dua tahun, Cholon muncul sebagai bandar yang makmur dan didiami oleh orang Cina. Pada peringkat awal, Cholon berfungsi sebagai pusat pengumpulan kraft tangan dan hasil pertanian domestik disebabkan sistem perhubungan tidak begitu maju.³⁶

Di selatan Vietnam, orang Cina di Phien Tran (Gia Dinh) membentuk komuniti *Minh Huong*. Sementara orang Cina di Tran Bien (Bien Hoa) membentuk komuniti *Thanh Ha*. Setiap komuniti Cina berkembang maju setelah kedatangan pedagang dan petukang dari China. Pada tahun 1771, tentera Tay Son menyerang kerajaan Nguyen di selatan Vietnam. Namun pada tahun 1778, orang Cina di kampung *Thanh Ha* terpaksa melari balik ke Phien Tran dan bekerjasama dengan penduduk kampung *Minh Huong* untuk membuka bandar Cholon.³⁷

³⁶ Ibid.

³⁷ Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Ngoai Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Minh* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 19.

Cholon yang juga dikenali sebagai bandar Saigon didirikan pada tahun 1698. Sebelum ini, Cholon hanya merupakan tempat berkumpul bagi pedagang yang datang dari beberapa buah kampung. Namun, menjelang penghujung abad ke-18, Cholon padat dengan penduduk kerana ramai pelarian perang telah melarikan diri ke sini. Bandar Cholon didirikan di lembah sungai kecil yang dikenali sebagai Kinh Tau Hu. Orang Cina di sini memanggil nama sungai tersebut sebagai De Ngan. Sementara orang Cina keturunan Quang Dong menamai sungai ini sebagai Tai Ngon. Nama ini masih digunakan oleh orang Cina sehingga hari ini.³⁸ Ini membuktikan bahawa orang Cina berketurunan Quang Dong telah bertapak di Cholon.

Pada tahun 1679, tujuh puluh buah kapal yang membawa 3,000 orang Cina di bawah pimpinan Duong Ngan Dich dan Tran Thuong Xuyen telah mendarat di teluk Danang dan meminta kebenaran daripada pemerintah Nguyen Phuc Tan (1648-1687) untuk menetap di selatan Vietnam. Pemerintah Nguyen Phuc Tan telah membenarkan mereka menetap di kawasan Dong Pho yang dikenali sebagai Dong Nai.³⁹ Maka sebahagian daripada orang Cina di bawah pimpinan Tran Thuong Xuyen telah sampai dan menetap di Bien Hoa yang terletak di wilayah Dong Nai.⁴⁰ Orang Cina yang berada di Bien Hoa telah membangunkan kawasan ini bersama dengan orang Vietnam. Atas usaha mereka, tidak lama kemudian, wujudnya bandar Nong Nai Dong Pho yang makmur.

³⁸ Nguyen Thi Hoa Xinh, *Tin Nguong Va Ton Giao Cua Ngnoi Hoa Quang Dong O Thanh Pho Ho Chi Min* (Kepercayaan dan Agama Orang Cina Quang Dong di Bandar Ho Chi Minh), Thanh Pho Ho Chi Minh : Trung Tam Khoa Hoc Xa Hoi Va Nhan Van Quoc Gia, 1997, hlm. 20.

³⁹ Nguyen The Anh, *Hoa Kieu Va Su Dinh Dan Tai Vung Dong Bang Song Cuu Long* (Orang Cina di Dataran Mekong) dalam Nghien Cuu Hue, Tap Bon, Trung Tam Nghien Cuu Huu, 2002, hlm. 106.

⁴⁰潘安, *越南南部华人文化考究* (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam), 西贡: 西贡解放日报, 2006, hlm. 12. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Ngnoi Hoa O Viet Nam).

Salah seorang sarjana Cina yang terkenal di Bien Hoa adalah Trinh Hoai Duc. Beliau merupakan orang *Minh Huong*. Beliau merupakan generasi ketiga keluarga Trinh yang tinggal di selatan Vietnam. Datuk beliau yang bernama Trinh Hoi merupakan pegawai istana dinasti Ming. Apabila dinasti Ming digulingkan oleh dinasti Qing, kerajaan Qing memaksa bekas pegawai istana dinasti Ming dan rakyat biasa perlu mengikuti beberapa adat resam yang ditetapkan oleh kerajaan Qing. Misalnya, setiap pegawai kerajaan Qing perlu menyimpan tocang. Peraturan tersebut enggan dipatuhi oleh kebanyakan bekas pegawai dinasti Ming. Maka sebahagian daripada bekas pegawai dinasti Ming bangun menentang peraturan tersebut. Manakala sebahagian daripada mereka melarikan diri ke negara lain untuk mengelakkan penindasan kerajaan Qing. Pada waktu itu, Trinh Hoi membawa ahli keluarga beliau berhijrah ke Bien Hoa yang terletak di selatan Vietnam untuk memulakan kehidupan baru.⁴¹

Bapa Trinh Hoai Duc iaitu Trinh Khanh telah dilantik oleh pemerintah Nguyen sebagai gabenor di pelabuhan Qui Nhon (Binh Dinh). Beliau bertanggungjawab terhadap pemeriksaan kapal-kapal dagang dari China dan negara lain yang masuk ke pelabuhan Qui Nhon untuk pertukaran barang dagang. Semasa Trinh Hoai Duc berumur sepuluh tahun, bapa beliau meninggal dunia.⁴²

Pada masa ini, perebutan kuasa antara Tay Son dengan pemerintah Nguyen telah menyebabkan keadaan politik di Vietnam Tengah menjadi tidak stabil. Kerana sebab ini, Trinh Hoai Duc bersama emaknya kembali ke Bien Hoa untuk meneruskan kehidupan

⁴¹潘安，越南南部华人文化考究 (Budaya Orang Cina di Selatan Vietnam)，西贡：西贡解放日报，2006，hlm. 50. (Gop Phan Tim Hieu Van Hoa Nguoi Hoa O Viet Nam).

⁴²Ibid.

mereka. Selepas itu, mereka berhijrah ke Gia Dinh iaitu kawasan yang berdekatan dengan Cholon-Saigon. Di sini, terdapatnya komuniti *Minh Huong*. Pada tahun 1788, Nguyen Anh berjaya merampas balik kawasan Gia Dinh, Trinh Hoai Duc dilantik sebagai pegawai. Pada tahun kedua, Trinh Hoai Duc dilantik sebagai pegawai di daerah Tran Bien untuk membangunkan Dataran Mekong. Setahun kemudian, beliau dinaikkan pangkat menjadi pegawai Khanh Hoa dan Phu An.⁴³ Perlantikan Trinh Hoai Duc sebagai pegawai kerajaan menunjukkan bahawa orang Cina turut memainkan peranan penting dalam pentadbiran di selatan Vietnam.

Peranan orang Cina di selatan Vietnam juga telah dibincang oleh Phan An. Menjelang pertengahan abad ke-17, berlakunya banyak pemberontakan menentang kerajaan Qing di China. Di bawah pimpinan Cheng Ch'eng-kung (Trinh Thanh Cong) berketurunan Trieu Chau yang merupakan bekas Jeneral dinasti Ming, rakyat China telah bangun menentang tentera kerajaan Qing tetapi gagal. Akibatnya setiap kampung halaman orang Trieu di Trieu Chau habis dimusnahkan oleh tentera kerajaan Qing. Hal ini telah menyebabkan angkatan tentera Cheng Ch'eng-kung terpaksa melarikan diri ke Taiwan dan mewujudkan gerakan "menggulingkan kerajaan Qing, memulihkan kerajaan Ming" (*Phan Thanh, Phuc Minh*). Dalam kalangan tentera ini, terdapat seorang pemuda bernama Mac Cuu yang berumur 17 tahun, berasal dari Quang Dong telah berhijrah ke persisiran pantai Cao Mien untuk mendirikan kerjaya beliau dan mengumpul kekayaan di sini.

Menurut catatan Trinh Hoai Duc dalam *Gia Dinh Thanh Thong Chi*, Hatien merupakan tanah jajahan Chenla. Ia juga dikenali sebagai Manh Kham. Pada abad ke-18,

⁴³Ibid., hlm. 50-51.

Hatien meliputi wilayah An Giang dan Kien Giang. Hatien merupakan bandar pelabuhan di bawah pemerintahan Mac Cuu.⁴⁴

Mac Cuu sempat melihat kemakmuran kawasan jajahannya sebelum meninggal dunia.⁴⁵ Selepas kemangkatan Mac Cuu pada tahun 1735, anak beliau yang bernama Mac Thien Tich (Mac Thien Tu) menjadi pemerintah Hatien yang diakui oleh pemerintah Nguyen. Semasa pemerintahan Mac Thien Tich, beliau menggalakkan kegiatan perdagangan dan kraf tangan di Hatien. Beliau juga telah membuka sekolah-sekolah untuk mengajar bahasa Cina. Atas usaha Mac Thien Tich, akhirnya Hatien menjadi sebuah pelabuhan perdagangan yang maju. Hatien juga merupakan pusat intelektual yang menyebarkan budaya Cina ke selatan Vietnam pada abad ke-18.⁴⁶ Mac Thien Tich merupakan orang *Minh Huong*. Sementara ibu beliau yang bernama Bui Thi Lam merupakan orang Vietnam yang berasal dari Dong Mon (Bien Hoa).⁴⁷

Menurut *Hai Ngoai Ky Su* (Rekod Sejarah Seberang Laut) yang ditulis oleh Thich Dai San, sepanjang abad ke-16, sudah terdapat pedagang Cina datang ke selatan Vietnam dengan menaiki perahu kayu pada musim tiupan angin dari utara. Malah terdapat sebilangan kecil daripada pedagang Cina yang tinggal di selatan Vietnam. Pada awal abad ke-17, terdapat sebilangan orang Cina mula mendirikan keluarga di sini.⁴⁸

⁴⁴Ibid., hlm. 75.

⁴⁵ M. Paul Boudet, *La Conquête de la Cochinchine par les Nguyễn et le Rôle des émigrés Chinois*, hlm. 123.

⁴⁶ Tran Khanh, *The Ethnic Chinese and Economic Development in Vietnam*, Singapore : Institute of Southeast Asian Studies, 1993, hlm.16.

⁴⁷ Nguyen The Anh, *Hoa Kieu Va Su Dinh Dan Tai Vung Dong Bang Song Cuu Long* (Orang Cina di Dataran Mekong) dalam *Nghien Cuu Hue*, Tap Bon, Trung Tam Nghien Cuu Huu, 2002, hlm. 107.

⁴⁸ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Ngoai Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.14.

Menurut Dao Trinh Nhat, orang Cina di Nam Ky (selatan Vietnam) merupakan bangsa yang rajin dan tahan lasak. Oleh yang demikian, banyak ladang tanaman, kilang-kilang dan sektor perkapalan laut mengupah orang Cina. Ini adalah kerana mereka ini tahan lasak dan dapat membuat kerja-kerja yang tidak dapat dibuat oleh orang Vietnam.⁴⁹ Sikap sabar merupakan kekuatan orang Cina yang menolong mereka mengatasi segala kesusahan dan menjadi lebih maju. Selain itu, semangat tolong-menolong dalam kalangan orang Cina juga banyak membantu mereka menghadapi sebarang cabaran.⁵⁰

Selain itu, orang Cina juga memainkan peranan penting dalam bidang penerokaan, pertanian, perhutanan, perikanan, pertukangan kayu dan pelelangan. Di selatan Vietnam, orang Cina banyak membeli tanah yang berharga di Cholon-Binh Tay untuk mendirikan rumah dan pasar. Kegiatan perdagangan orang Cina agak berdikari. Mereka menguasai sebahagian besar ekonomi di selatan Vietnam terutamanya dalam bidang perdagangan, pembuatan kraf tangan, perkapalan dan perkhidmatan kewangan. Malah pedagang Cina telah mendirikan syarikat pengeluaran barang kegunaan harian di bandar-bandar besar. Secara umumnya, orang Cina mempunyai pengaruh yang kuat dalam bidang perdagangan. Pada peringkat awal, orang Cina keturunan Teochieu, Hokkien dan Kwangtung menguasai bidang pengeluaran dan perkapalan.

Orang Teochieu hidup bertani dan menguasai sebilangan tanah pertanian. Mereka memberi tumpuan dalam penanaman sayur-sayuran, bawang putih, turnip serta dalam bidang penternakan seperti membela ayam, itik, khinzir dan lembu. Selain itu, mereka juga bergiat aktif dalam bidang pengangkutan air, penangkapan ikan, pembuatan sos ikan,

⁴⁹ Ibid., hlm.62-63.

⁵⁰ Ibid., hlm.63.

penanaman lada, tebu, jut, kacang hijau, teh dan buah-buahan. Sementara orang Hokkien memonopoli pembelian beras muda. Mereka memberi pinjaman wang kepada petani pada musim menuai untuk melakukan kegiatan menuai.⁵¹

Oang Cina banyak mendirikan syarikat perniagaan besar di selatan Vietnam serta memberi pertolongan di antara satu sama lain dalam kalangan usahawan Saigon-Cholon. Pada abad ke-17, Cholon muncul sebagai salah sebuah pusat perdagangan terbesar di Asia Tenggara.

Baru-baru ini, beberapa kajian tentang komuniti Cina di Vietnam telah dibuat dengan berfokus pada komuniti Cina di selatan Vietnam. Antara kajian penting tentang komuniti Cina ialah usaha Li Tana yang membincang tentang asal usul komuniti Cina di Bien Hoa dan Saigon di selatan Vietnam.⁵² Selain itu, kajian Li Tana juga berfokus pada perdagangan di antara China dan Vietnam yang majoritinya dilakukan oleh pedagang Cina. Dalam tesis doktor falsafah, Danny Wong juga membincang tentang kewujudan komuniti Cina di selatan Vietnam.⁵³ Beliau juga membincang tentang sumbangan komuniti Cina terhadap perluasan kuasa kerajaan Nguyen di selatan Vietnam, termasuk peranan mereka dalam penaklukan ke atas sungai dataran Mekong. Dalam kajian Nola Cooke, beliau juga telah membincang perluasan kuasa politik pemerintah Nguyen di Cochinchina (selatan Vietnam).⁵⁴ Walau bagaimanapun, ketiga-tiga orang penyelidik melihat komuniti Cina di

⁵¹ Ibid., hlm.36-37.

⁵² Li Tana, *Nguyen Cochinchina, Southern Vietnam in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*, Ithaca : Cornell University, 1998.

⁵³ Danny Wong Tze-Ken, "The Nguyen Lords of Southern Vietnam : Their Foreign Relations, 1558-1776", PhD Thesis, History Department, University of Malaya, 2004.

⁵⁴ Nola Cooke, *Regionalism and the Nature of Nguyen Rule in Seventeenth Century Dang Trong (Cochinchina)*, National University of Singapore : *Journal of Southeast Asian Studies* 29, 1 (March 1998), hlm. 122-161.

selatan Vietnam sebagai sebahagian daripada kajian mereka tentang kebangkitan dan kejatuhan kerajaan Nguyen di selatan Vietnam.

Sementara Li Qingxin dalam artikelnya membincang peranan dan sumbangan Mac Cuu terhadap Hatien. Artikel ini juga membincang strategi yang digunakan oleh Mac Cuu untuk mentadbir Hatien serta membantu pemerintah Nguyen meluaskan kuasa di selatan Vietnam. Selain itu, beliau juga membincang pembentukan komuniti *Minh Huong* di Hatien. Artikel ini hanya berfokus pada Mac Cuu dan Hatien sahaja.⁵⁵

Buku *Trang Vang Nguoi Hoa Thanh Pho Ho Chi Minh Va Nam Bo* membincang petempatan dan persatuan-persatuan (tokong-tokong) komuniti Cina di bandar Ho Chi Minh dan selatan Vietnam.⁵⁶ Selain itu, buku *Gop Phan Tim Hieu Lich Su – Van Hoa 300 Nam Sai Gon – Thanh Pho Ho Chi Minh* membincang sebab-sebab kedatangan orang Cina ke selatan Vietnam serta petempatan orang Cina di Bien Hoa dan Saigon-Gia Dinh.⁵⁷

Ciri-ciri kehidupan, adat istiadat dan kebudayaan komuniti Cina di selatan Vietnam dapat dilihat dengan jelas pada abad ke-17. Orang China dikenali sebagai “Anak Langit” (Con Troi). Negara China dianggap sebagai pusat dunia. China juga mempunyai penduduk yang ramai. Oleh yang demikian, orang Cina di Vietnam sentiasa bersemangat tinggi untuk memelihara identiti mereka. Apabila berada di China, orang Cina mungkin sering mengalami konflik dan menindas di antara satu sama lain. Namun apabila orang Cina

⁵⁵ 李庆新, “鄭玖與河仙政权（港口国）(Mac Cuu dan Kuasa Pemerintahan Hatien)” dalam *Chinese Southern Diaspora Studies*, Volume 4, 2010, hlm. 176-188.

⁵⁶ *Trang Vang Nguoi Hoa Thanh Pho Ho Chi Minh Va Nam Bo* (Kecemerlangan Orang Cina di Bandar Ho Chi Minh dan Selatan Vietnam), Ho Chi Minh City : Nha Xuat Ban Lao Dong, 2007.

⁵⁷ *Gop Phan Tim Hieu Lich Su-Van Hoa 300 Nam Sai Gon – Thanh Pho Ho Chi Minh* (Sejarah Kebudayaan Saigon-Bandar Ho Chi Minh Selama 300 Tahun), T.P Ho Chi Minh : Nha Xuat Ban Tre, 1998, hlm.150-158.

berada di negara lain, mereka bersatu padu untuk mempertahankan bangsa Cina dan memelihara identiti orang Cina.⁵⁸

Walau bagaimanapun, dalam mencari rezeki, setiap suku kaum Cina tidak pernah melakukan perkara yang tidak bermoral kepada suku kaum Cina yang lain dalam bidang perniagaan. Seandainya terdapat kontroversi dalam kalangan orang Cina, maka ketua setiap suku kaum Cina akan mengadakan perjumpaan untuk menyelesaikan kontroversi tersebut secara damai agar tiada siapa yang kalah dalam kontroversi tersebut.⁵⁹

Sejauhmana semangat tolong-menolong di antara satu sama lain yang ada pada orang Cina dapat dikekalkan bergantung pada pengurusan diplomatik setiap suku kaum Cina. Dalam hal ini, ketua komuniti bagi setiap suku kaum memainkan peranan yang penting. Biasanya ketua komuniti ini terdiri daripada mereka yang kaya, berprestij, berakhlak tinggi dan murah hati. Mereka ini diiktiraf dan dihormati oleh komuniti mereka. Tugas ketua komuniti bagai seorang ketua keluarga, berperanan menjaga ahli komuniti bagai anak-anak di rumah dan ahli komuniti perlu mendengar nasihat ketua komuniti.⁶⁰

Tulisan Cina telah digunakan secara meluas dalam dokumen rasmi dan karya sastera Vietnam sehingga abad ke-20. Pada waktu itu, tulisan Cina seolah-olahnya juga merupakan tulisan yang dimiliki oleh orang Vietnam. Kepercayaan seperti agama Buddha, Taoisme dan Confucianisme juga telah dibawa masuk dari China ke dalam masyarakat Vietnam. Malah kerajaan Vietnam menggunakannya sebagai panduan untuk membuat

⁵⁸ Nguyen Cam Thuy, *Dinh Cu Cua Nguoi Hoa Tren Dat Nam Bo* (Tu The Ky XVII Den Nam 1945) (Petempatan Orang Cina di Selatan Vietnam dari Abad Ke-17 hingga Tahun 1945), Ha Noi, Nha Xuat Ban Khoa Hoc Xa Hoi, 2000, hlm.68.

⁵⁹ Ibid., hlm.64.

⁶⁰ Ibid., hlm.65.

undang-undang negara. Orang Cina yang berfikiran konservatif beranggapan bahawa mereka merupakan etnik yang besar dan unggul. Namun, akhirnya mereka sanggup menghapuskan perasaan ego mereka untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat Vietnam agar kebudayaan Cina dapat dikekalkan di Vietnam.

Menurut Dao Trinh Nhat, kebudayaan Cina dapat dilihat dengan jelas di kawasan petempatan orang Cina di selatan Vietnam. Keadaan sedemikian seolah-olahnya orang Cina berada di negara asal mereka iaitu China. Di mana ada tempat tinggal orang Cina, di situ akan didirikan tokong Buddha, persatuan Cina, pasar, hospital, sekolah Cina dan kubur Cina. Tokong-tokong Buddha dan persatuan-persatuan Cina yang didirikan oleh orang Cina merupakan monumen dan bukti wujudnya kebudayaan Cina di Vietnam.

Apabila kehidupan orang Cina semakin stabil dan berkembang maju, maka wujudlah keperluan kehidupan rohani. Sehubungan itu, kepercayaan dan agama turut berkembang. Justeru itu, tokong-tokong Buddha dan persatuan-persatuan Cina telah banyak didirikan oleh masyarakat Cina di Vietnam.

Persatuan-persatuan Cina bukan sahaja memberi perkhidmatan kepada orang Cina bahkan memberi perkhidmatan kepada orang awam. Kanak-kanak dan orang tua Vietnam pergi ke persatuan Cina untuk sembahyang. Maka wujudnya pengaruh kebudayaan Cina ke atas orang Vietnam. Hal perkongsian kepercayaan di Vietnam juga merupakan satu keperluan dalam kehidupan orang Vietnam dan orang Cina. Ia juga merupakan proses integrasi di antara orang Cina dengan penduduk lain di Vietnam. Dalam kajian Liam C.

Kelley, beliau telah membincang hubungan di antara China dengan Vietnam pada abad ke-16 hingga abad ke-19.⁶¹

Setakat ini belum ada kajian yang menyeluruh tentang sejarah komuniti Cina di selatan Vietnam sejak kedatangan imigran Cina di selatan Vietnam sehingga pembentukan komuniti Cina yang besar pada penghujung abad ke-18. Oleh yang demikian, kajian ini mengkaji sejarah komuniti Cina di selatan Vietnam pada abad ke-17 hingga abad ke-18. Selain, itu, kajian ini juga mengkaji isu-isu dan persoalan yang belum pernah dikaji oleh penyelidik yang lain.

Kaedah Kajian dan Keterangan Sumber

Kajian ini disempurnakan melalui pengumpulan bahan di arkib Vietnam iaitu *Vien Han Nom* (Institute of Han Nom, Vietnam), *Vien Su Hoc* (Institut Sejarah Vietnam), Perpustakaan-perpustakaan di Hanoi dan bandar Ho Chi Minh untuk mengumpul bahan utama dan bahan sekunder. Di antara sumber-sumber utama yang digunakan adalah dokumen-dokumen yang dikumpulkan oleh Quoc Su Quan (Arkib Negara Vietnam) semasa dinasti Nguyen (1802-1945), di antaranya adalah *Dai Nam Thuc Luc Tien Bien*, *Dai Nam Nhat Thong Chi*, *Dai Nam Liet Truyen Tien Bien*, *Phu Bien Tap Luc* dan *Dai Viet Su Ky Toan Thu*. Selain itu, bahan utama sejarah China juga dikaji, ini termasuk, *Hai Wai Ji Shi*.

⁶¹ Liam C. Kelley, "Whither the Bronze Pillars ? Envoy Poetry and the Sino-Vietnamese Relationship in the 16th to 19th Centuries", PhD Thesis, University of Hawaii, 2001.

Bahan-bahan utama yang lain termasuklah dokumen-dokumen Vietnam yang telah diterbitkan dalam *Su Hoc*, So I (1945-1975), *Su Hoc*, So II (1976-1990) dan *Su Hoc*, So III (1991-1993). Semua dokumen ini merupakan sejarah Vietnam.

Selain itu, sumber utama untuk kajian ini ialah epigrafi yang terdapat di tokong-tokong atau Persatuan-persatuan Cina yang didirikan oleh imigran Cina di Hoian, Bien Hoa, Saigon, Tra Ving dan Hatien (Delta Mekong) di selatan Vietnam. Oleh yang demikian, kajian kerja lapangan juga dilakukan di persatuan-persatuan atau tokong-tokong Cina untuk mendapatkan bahan utama melalui epigrafi-epigrafi tersebut. Ini termasuk epigrafi yang terdapat di Tokong Minh Huong, Persatuan Fujian (Phuc Kien Hoi Quan), Persatuan Quang Dong (Quang Dong Hoi Quan) di Hoian, Minh Huong Gia Thanh di Saigon dan Phuc Ming Cong di Tra Vinh (Delta Mekong), Dinh Tan Lan di Bien Hoa, That Phu Co Mieu (Chua Ong) di Bien Hoa, Tokong Tien Hau di Bien Hoa dan Vo De Thanh Dien di Soc Trang. Bahan-bahan ini adalah penting untuk mengkaji penglibatan komuniti Cina dalam sosio-agama di selatan Vietnam.

Sumber utama yang lain untuk kajian ini termasuklah inskripsi yang diukir pada makam-makam imigran Cina di Hatien. Misalnya makam Mac Cui dan makam Mac Thien Tich yang didirikan di Hatien. Inskripsi-inskripsi tersebut merupakan bahan-bahan penting untuk membuktikan kewujudan komuniti Cina dan sumbangan orang Cina dalam politik di Hatien (delta Mekong). Begitu juga inskripsi yang tercatat pada makam Trinh Hoai Duc di Bien Hoa. Didapati bahawa makam-makam ini masih dipelihara dengan baik malah diisytiharkan sebagai warisan negara oleh kerajaan Vietnam pada zaman sekarang.

Untuk mendapat pandangan yang lebih menyeluruh, sumber dari Eropah dan Jepun juga digunakan. Sementara bahan-bahan sekunder terdiri daripada buku-buku, artikel, journal dan ensiklopedia juga dirujuk.